

**PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU BUKAN OPSYEN SEJARAH DALAM
MENERAPKAN KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH KE ATAS MURID
SEKOLAH RENDAH DI SELANGOR**

**[KNOWLEDGE AND SKILLS OF NON-OPTION HISTORY TEACHERS IN
INTEGRATING HISTORICAL THINKING SKILLS AMONG PRIMARY SCHOOL
PUPILS IN SELANGOR]**

NOR AIN ATILA IBRAHIM¹ & ANUAR AHMAD¹

¹* Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: p145089@siswa.ukm.edu.my

Received: 27 June 2025

Accepted: 15 August 2025

Published: 02 September 2025

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk meninjau pengetahuan dan kemahiran guru bukan opsyen sejarah dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah ke atas murid sekolah rendah. Maka, kajian dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru bukan opsyen sejarah. Kajian tinjauan ini menggunakan borang soal selidik yang melibatkan sampel seramai 30 orang guru bukan opsyen sejarah yang mengajar mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah di beberapa daerah di Selangor. Analisis data menggunakan perisian SPSS 29.0 yang melibatkan analisis deskriptif yang dilihat berdasarkan min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru bukan opsyen sejarah dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah berada pada tahap sederhana tinggi. Kajian ini perlu diluaskan lagi untuk melihat dapatan yang lebih jelas dan melakukan sebarang penambahbaikan ke atas pengajaran guru bukan opsyen sejarah.

Kata Kunci: pengetahuan, kemahiran, guru bukan opsyen sejarah, Kemahiran Pemikiran Sejarah.

Abstract: This study was conducted to explore the knowledge and skills of non-option history teachers in integrating Historical Thinking Skills among primary school pupils. The purpose of the study is to identify the level of knowledge and skills possessed by these non-option history teachers. A survey design was employed, using questionnaires administered to a sample of 30 non-option history teachers who were teaching the subject in several primary schools across districts in Selangor. Data was analyzed using SPSS version 29.0 through descriptive analysis, focusing on mean and standard deviation. The findings revealed that the teachers' levels of knowledge and skills in integrating Historical Thinking Skills were at a moderately high level. It is recommended that further studies be conducted with a broader scope to provide clearer insights and to propose improvements in the teaching practices of non-option history teachers.

Keywords: knowledge, skills, non-option history teacher, History Thinking Skills.

Cite This Article:

Nor Ain Atila Ibrahim & Anuar Ahmad. (2025). Pengetahuan Dan Kemahiran Guru Bukan Opsyen Sejarah Dalam Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah Ke Atas Murid Sekolah Rendah Di Selangor [*Knowledge And Skills Of Non-Option History Teachers In Integrating Historical Thinking Skills Among Primary School Pupils In Selangor*]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(2): 133-146.

PENGENALAN

Kemahiran Pemikiran Sejarah atau KPS merupakan komponen penting dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Menurut Mohd Asyraf dan Anuar (2023), KPS bertujuan membentuk murid yang berfikiran kreatif, kritis dan analitikal. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, penekanan terhadap KPS mula ditekankan secara meluas dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) sebagai wasilah untuk membangunkan generasi yang celik sejarah dan mampu mengaplikasikan ilmu sejarah dalam kehidupan seharian (Suhaida & Shahabuddin, 2022).

Pengenalan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras bermula pada tahun 2014 di sekolah rendah merupakan antara usaha strategik dalam memastikan murid bukan sahaja memahami perkembangan sejarah di Malaysia dan dunia, malah mencetuskan pemikiran aktif dalam proses pembelajaran dalam bilik darjah. Kurikulum sejarah yang dibina juga adalah berasaskan gabungan elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai, menyokong matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 yang menfokuskan pembentukan modal insan seimbang dan holistik. Justeru, keupayaan untuk menerapkan KPS sejak peringkat rendah sangat ditegaskan dalam melahirkan warganegara yang berpengetahuan, patriotik dan berfikiran kritis (M. Kaviza, 2018).

Oleh hal yang demikian, KPS hadir sebagai sebuah mekanisme dalam merealisasikan matlamat ini. Dalam hal ini, peranan guru menjadi sangat signifikan kerana mereka perlu menyampaikan kandungan sejarah dan bertindak sebagai pembimbing dalam menerapkan KPS agar murid bukan sahaja mengingati sejarah, malah mampu menghubungkan peristiwa lampau dengan konteks semasa (Ngan Ping Ping, Anuar & Norasmah, 2024). Akan tetapi, realiti pendidikan menunjukkan wujudnya keperluan untuk mengkaji bagaimana guru, khususnya guru bukan opsyen Sejarah, menjalankan tanggungjawab ini dalam bilik darjah. Golongan ini dilantik oleh pentadbir sekolah untuk mengajar mata pelajaran ini walaupun bidang ini adalah bukan bidang pengkhususan mereka. Hal ini menimbulkan persoalan tentang tahap penguasaan mereka dalam penerapan KPS dengan berkesan.

Jurang kajian wujud apabila kebanyakan kajian terdahulu lebih bertumpukan guru opsyen sejarah, manakala kajian terhadap amalan guru bukan opsyen dalam menerapkan KPS di sekolah rendah masih terhad (Ngan Ping Ping et al. 2024). Tambahan pula, kajian mengenai pelaksanaan KPS sering memfokuskan murid sekolah menengah, bukan sekolah rendah, yang kini semakin diberi perhatian oleh KPM sejak mata pelajaran Sejarah dijadikan mata pelajaran teras bermula Tahun 4 hingga Tahun 6. Malah, Kementerian Pendidikan Malaysia (2022) turut menyatakan bahawa mata pelajaran Sejarah merupakan antara mata pelajaran yang mengalami kekurangan guru di Malaysia. Bekas Menteri Pendidikan Malaysia, Dato' Radzi Jidin menyebut bahawa terdapat lima mata pelajaran mengalami kekurangan guru iaitu Sejarah, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Bahasa Inggeris, Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Khas.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti pengetahuan dan kemahiran guru bukan opsyen sejarah dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah di sekolah rendah di negeri Selangor. Kajian ini amat signifikan dalam memberikan gambaran asas terhadap pelaksanaan KPS dalam kalangan guru bukan opsyen serta mengenal pasti ruang penambahbaikan yang boleh disokong oleh dasar, latihan atau intervensi pendidikan yang

bersesuaian. Hal ini adalah disebabkan adalah menjadi suatu kewajiban untuk menghasilkan guru sejarah yang profesional dalam dunia pendidikan. Walau bagaimanapun, kajian ini ialah sebuah kajian mini sahaja, menyebabkan generalisasi secara menyeluruh tidak dapat dijalankan hasil daripada dapatan kajian yang akan diperoleh nanti.

ULASAN LITERATUR

Konsep Kemahiran Pemikiran Sejarah

Collingwood (1946) berpendapat bahawa KPS ini telah diterapkan sejak disiplin ilmu sejarah terbentuk. Hakikat ini menunjukkan bahawa gesaan untuk menerapkan KPS bukan hanya tertumpu dalam silibus pendidikan di Malaysia tetapi di luar negara juga. Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) mendefinisikan KPS sebagai sebuah proses kognitif yang mendorong murid untuk meneroka idea yang kompleks dengan bimbingan guru. Pelaksanaan KPS mampu menghidupkan suasana pembelajaran sejarah yang aktif, sekaligus meningkatkan minat murid dan menjadikan mereka lebih kritis, kreatif dan inovatif.

Di samping itu, KPS juga boleh dikatakan sebagai sebuah proses mengaplikasikan maklumat sejarah, termasuklah mentafsir fakta, konteks dan perspektif untuk memahami masa lalu (Lisa Yip Shukye 2014). KPS seringkali sinonim dengan bagaimana seorang ahli sejarah berfikir. Kelima-lima komponen KPS sememangnya selari dengan cara fikir seorang ahli sejarah apabila berdepan sesebuah perkara berkaitan sejarah. Seixas (1996) menceritakan bahawa seorang ahli sejarah akan meneliti masa lalu dengan menginterpretasi jejak dan penceritaan yang ditinggalkan iaitu bukti. Langkah ini adalah komponen kemahiran membuat interpretasi dan kemahiran meneroka bukti. Kemudian, mereka akan membuat keputusan berpandukan akal yang baik iaitu berkaitan dengan kemahiran membuat rasionalisasi.

Mohd Asyraf dan Anuar (2023) menyatakan bahawa komponen yang terdapat dalam struktur disiplin sejarah dapat membantu murid untuk menilai sesebuah peristiwa sejarah secara berempati serta melihat bagaimana manusia menggunakan masa, perubahan dan kronologi. Chopin (2009) pula menyatakan bahawa pembelajaran sejarah memerlukan *habits of mind* dan kemahiran pemikiran yang khusus bagi disiplin ilmu ini sendiri. Maka, KPS menjadi jawapan kepada hakikat ini. Lebih-lebih lagi, mata pelajaran ini menuntut murid agar tidak sekadar memahami fakta, tarikh dan peristiwa penting, malah mengaitkannya dengan masa kini dan menggunakan pengalaman masa lalu dalam membuat pengadilan untuk masa hadapan.

Oleh yang demikian, semua guru sejarah seharusnya menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dan mewujudkan aktiviti pembelajaran yang sesuai dalam usaha menerapkan KPS ke atas murid. Guru, termasuk guru bukan opsyen, mesti memiliki pengetahuan dan kemahiran yang jitu dalam merancang kaedah pengajaran yang bermanfaat dengan menerapkan kesemua elemen KPS.

Guru Bukan Opsyen Sejarah

Dalam dunia pendidikan, guru yang memiliki kelayakan ikhtisas merupakan guru opsyen sebagaimana yang dinyatakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2022) iaitu guru yang

mengajar mengikut kelulusan ikhtisas sama ada sijil pendidikan diploma pendidikan, ijazah sarjana muda pendidikan atau kursus perguruan lepas ijazah bagi bidang pengkhususan masing-masing. Hal ini sebaliknya bagi guru bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran di luar bidang pengkhususan mereka.

Isu guru bukan opsyen juga turut berlaku di luar negara. Sebagai contoh, di United Kingdom, isu guru bukan opsyen atau *out-of-field teachers* menjadi perhatian. Laporan oleh Darlington (2017) untuk *Cambridge Assessment* menyatakan bahawa kekurangan guru pakar menyebabkan guru bukan opsyen mengajar mata pelajaran lain. Mereka sering menghadapi cabaran dalam penguasaan kandungan dan pedagogi yang boleh menjejaskan kualiti pengajaran. Malah Hobbs dan Törner (2019) pernah membincangkan isu guru bukan opsyen secara global, termasuk di Australia, Jerman, Ireland dan Afrika Selatan. Perbincangan mereka menekankan bahawa pengajaran oleh guru bukan opsyen boleh menjejaskan kualiti pendidikan. Mereka seterusnya mencadangkan perlunya latihan profesional yang berterusan untuk guru-guru tersebut.

Hal ini berbeza dengan Sepanyol di mana semua guru sejarah di peringkat menengah wajib memiliki ijazah sarjana muda dalam pendidikan menengah dan menjalani latihan pedagogi pascasiswazah. Ketetapan ini adalah untuk memastikan bahawa guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah memiliki latar belakang akademik dan latihan yang sesuai. Justeru, guru sepatutnya memiliki pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang yang diajar.

DAPATAN KAJIAN LALU

Terdapat beberapa kajian lalu yang agak berkait dengan amalan pengajaran guru bukan opsyen sejarah. Sebagai contoh, kajian yang dilaksanakan oleh Ngan Ping Ping et al. (2024) yang mendapati bahawa guru bukan opsyen sejarah menghadapi cabaran dalam pengajaran sejarah iaitu dari segi pengetahuan dan kemahiran. Walaupun konstruk kajian yang dibuat adalah sama seperti konstruk yang dipilih dalam kajian ini, kajian yang dibuat oleh mereka adalah berfokuskan pengajaran sejarah, bukan ke atas penerapan KPS secara khusus. Di samping itu, terdapat juga kajian berkenaan pengajaran guru opsyen dan guru bukan opsyen sama ada memberikan impak ke atas prestasi akademik murid atau tidak. Akan tetapi, kajian yang dibuat oleh Khairunnisa dan Anuar (2014) ini turut melibatkan guru opsyen sejarah untuk dibuat perbandingan. Dapatan kajian ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara pengajaran guru opsyen dan bukan opsyen yang mempengaruhi pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah. Hal ini mengundang sebuah perspektif yang baharu dalam isu guru bukan opsyen Sejarah ini.

Bagi kajian yang berkait dengan penerapan KPS, wujud juga beberapa kajian lalu yang agak sinonim dengan kajian ini. Sebagai contoh, kajian oleh M. Kaviza (2018) yang menunjukkan penerapan KPS dalam pengajaran mata pelajaran ini dalam kalangan guru sejarah adalah bergantung kepada latihan profesional yang dijalani guru sepanjang tempoh mereka mengajar mata pelajaran Sejarah. Guru sejarah yang mengikuti sebagai latihan profesional tidak kiralah anjuran sekolah, jabatan pendidikan negeri atau mana-mana pihak akan menerapkan KPS ke atas murid dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, kajian ini sememangnya berfokuskan kepada guru sejarah secara menyeluruh, bukannya guru bukan opsyen sejarah

yang perlu mengajar mata pelajaran ini.

Pada pandangan pengkaji, kajian yang agak sinonim dengan kajian ini ialah kajian oleh Muhamad Yazid (2018) yang mendapati skor min KPS secara keseluruhannya dalam kalangan guru sejarah berada pada tahap sederhana. Malah, dilaporkan juga bahawa KPS dalam kalangan guru sejarah sekolah rendah di Selangor juga sederhana. Kajian ini hampir sama kerana lokasi kajian juga adalah di sekolah rendah di Selangor. Apa yang berbeza dengan kajian yang dibuat adalah responden kajian tersebut adalah terdiri daripada guru sejarah secara umum, bukannya melibatkan guru bukan opsyen sejarah. Kajian tersebut juga selari dengan kajian oleh Kamisah dan Mohd Mahzan (2023) yang mendapati bahawa tahap pengetahuan KPS dalam kalangan guru Sejarah sekolah rendah adalah berada pada tahap tinggi. Namun, lokasi kajian mereka berdua adalah di daerah Beluran, Sabah.

Melihat kepada hal ini, pengkaji memilih untuk meneruskan kajian ini disebabkan pengkaji tidak mendapati kajian yang menfokuskan tentang tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam penerapan KPS oleh guru bukan opsyen sejarah. Lebih-lebih lagi, berdasarkan tinjauan literatur yang dibuat, banyak kajian lalu berkenaan KPS tetapi hanya menjurus kepada guru sejarah secara umum, bukannya guru bukan opsyen sejarah. Malah, banyak juga kajian yang melibatkan konstruk atau aspek pengetahuan dan kemahiran tetapi lebih memperincikan isu lain, bukannya hubungan antara guru bukan opsyen sejarah dengan penerapan KPS.

TEORI & MODEL KAJIAN

Teori Konstruktivisme Piaget dan Vygotsky

Teori yang diasaskan oleh Jean Piaget (1950) dan dikembangkan oleh Lev Vygotsky (1978) ini menegaskan bahawa pembelajaran menjadi sebuah proses aktif apabila murid membina pengetahuan mereka melalui interaksi sosial dan pengalaman yang autentik. Dalam konteks pengajaran sejarah, elemen konstruktivisme ini menuntut agar guru menjadi fasilitator yang membimbing murid untuk meneroka makna sejarah melalui aktiviti berasaskan penyoalan, analisis sumber primer dan sekunder serta perbincangan secara reflektif.

Dalam kajian ini, pengaplikasian teori konstruktivisme adalah penting bagi memahami bagaimana guru bukan opsyen sejarah yang tidak memiliki latar belakang akademik yang khusus dalam bidang sejarah dapat menyusun strategi pengajaran yang bersifat induktif dan bermakna. Menerusi pendekatan konstruktivisme, elemen dalam KPS dapat diterapkan melalui aktiviti yang merangsang pemikiran kritis murid. Guru bukan opsyen yang memiliki kefahaman tentang prinsip konstruktivisme berpotensi untuk merangsang pembelajaran sejarah secara lebih bermakna meskipun mereka tidak pakar dalam kandungan sejarah. Malah menurut Vygotsky (1978), konsep *Zone of Proximal Development* (ZPD) menjelaskan bahawa interaksi dengan guru atau rakan mereka yang lebih mahir dapat membantu dalam mengembangkan keupayaan kognitif mereka kepada tahap yang lebih tinggi. Keadaan ini sejajar dengan peranan guru dalam membantu murid membina kerangka pemikiran sejarah melalui bimbingan yang bersesuaian, walaupun guru tersebut bukan dari opsyen sejarah.

Model Pemikiran Sejarah oleh Seixas dan Morton

Model yang dibangun oleh Seixas dan Morton (2013) ini menyediakan asas yang kukuh dalam memahami struktur dan aplikasi KPS dalam bilik darjah. Model ini terdiri daripada enam konsep utama iaitu signifikan sejarah, bukti sejarah, kesinambungan dan perubahan, sebab musabab, perspektif sejarah dan dimensi etika dalam sejarah. Model Pemikiran Sejarah relevan dalam kajian ini kerana model ini memberikan kerangka khusus yang boleh digunakan untuk menilai sejauh mana guru bukan opsyen sejarah menerapkan KPS dalam pengajaran mereka. Sebagai contoh, guru boleh menggunakan bahan sumber seperti dokumen sejarah atau lukisan zaman silam untuk membantu murid menganalisis bukti dan membuat interpretasi tentang peristiwa tersebut. Di sinilah pentingnya pengetahuan dan kemahiran guru dalam membimbing proses pemikiran sejarah yang bukan sekadar menghafal fakta tetapi membangunkan kecekapan analitikal dan reflektif murid.

Model mereka berdua juga menyediakan dimensi penilaian terhadap pengajaran sejarah secara berkesan, terutamanya dalam konteks pendidikan rendah di mana pengajaran sejarah perlu dipermudah namun tetap mengekalkan elemen pemikiran kritis. Keupayaan guru bukan opsyen sejarah untuk memahami dan mengaplikasikan model ini menunjukkan tahap penguasaan mereka dalam menyampaikan kemahiran sejarah secara efektif.

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai amalan pengajaran guru bukan opsyen Sejarah dalam menerapkan KPS ke atas murid sekolah rendah di Selangor dari aspek pengetahuan dan kemahiran. Maka, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru bukan opsyen sejarah dalam menerapkan KPS ke atas murid sekolah rendah
2. Meninjau tahap kemahiran guru bukan opsyen sejarah dalam menerapkan KPS ke atas murid sekolah rendah

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif menggunakan reka bentuk tinjauan kerana isu dan permasalahan kajian ini lebih sesuai dinilai secara kuantitatif. Kajian ini dijalankan di beberapa daerah di negeri Selangor untuk memudahkan proses pengumpulan data. Seterusnya, populasi kajian ini ialah guru bukan opsyen sejarah yang perlu mengajar mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah. Oleh sebab kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji merupakan kajian mini sahaja, maka jumlah sampel yang dipilih ialah seramai 30 sampel. Bagi teknik pensampelan kajian pula, pengkaji menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata, dengan mengambil kira faktor lokasi sekolah iaitu bandar dan luar bandar untuk memastikan kepelbagaian data.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama dalam pemerolehan data daripada sampel kajian. Pengkaji akan fokus kepada kajian deskriptif untuk melihat tahap pengetahuan dan kemahiran guru bukan opsyen sejarah iaitu pemboleh

ubah tidak bersandar dan penerapan KPS ke atas murid sekolah rendah iaitu pemboleh ubah bersandar.

Soal selidik yang dibina terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A terdiri daripada soalan yang berkaitan dengan demografi guru yang mengandungi sebanyak 4 item. Bahagian B pula adalah berkenaan pengetahuan guru bukan opsyen sejarah dalam KPS iaitu sebanyak 11 item dan Bahagian C iaitu tentang kemahiran guru bukan opsyen sejarah dalam menerapkan KPS, juga sebanyak 11 item. Pengkaji menggunakan soal selidik berbentuk tertutup dan berstruktur kerana bentuk soal selidik ini senang untuk ditadbirkan. Instrumen soal selidik ini pula diadaptasi daripada kajian Lisa Yip Shukye (2014) iaitu berkenaan pengetahuan guru terhadap lima komponen utama KPS dan pelaksanaan praktikal KPS dalam bilik darjah. Selain itu, pengkaji juga mengadaptasi diadaptasi soal selidik kajian Zahara dan Nik Azleena (2007) iaitu tentang kesediaan guru sejarah dalam menerapkan KPS ke atas murid. Skala Likert lima mata digunakan dalam soal selidik ini bagi Bahagian B dan C adalah bermula dengan nilai yang terendah kepada nilai yang tertinggi. Bagi soalan pada Bahagian B dan Bahagian C, responden diberi pilihan jawapan mengikut skala Likert.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Tahap pengetahuan guru bukan opsyen sejarah dalam KPS

Analisis deskriptif menunjukkan secara keseluruhannya, tahap pengetahuan guru bukan opsyen sejarah dalam KPS berada pada tahap yang sederhana tinggi iaitu dengan nilai skor min keseluruhan = 3.91 dan sisihan piawai = 0.74. Justeru, pengkaji dapat merumuskan bahawa tahap pengetahuan guru bukan opsyen sejarah dalam kelima-kelima komponen KPS adalah sederhana tinggi.

Selain itu, pengkaji telah melakukan analisis deskriptif berdasarkan enam sub konstruk iaitu pengetahuan tentang KPS secara umum, pengetahuan tentang kemahiran memahami kronologi, pengetahuan tentang kemahiran membuat imaginasi, pengetahuan tentang kemahiran membuat interpretasi, pengetahuan tentang kemahiran membuat rasionalisasi dan pengetahuan tentang kemahiran meneroka bukti. Nilai skor min mengikut sub konstruk dapat dilihat dalam jadual di bawah.

Jadual 1 Skor min pengetahuan dalam KPS

Sub konstruk	Nilai Min	Standard Piawai
Pengetahuan tentang KPS secara umum	3.90	0.92
Pengetahuan tentang kemahiran memahami kronologi	4.12	0.55
Pengetahuan tentang kemahiran membuat imaginasi	3.90	0.56
Pengetahuan tentang kemahiran membuat	3.70	0.58

interpretasi		
Pengetahuan tentang kemahiran membuat rasionalisasi	3.98	0.53
Pengetahuan tentang kemahiran meneroka bukti	3.85	0.71

Berdasarkan jadual interpretasi skala min, keenam-enam konstruk menunjukkan tahap yang sederhana tinggi, kecuali sub konstruk yang berkait dengan pengetahuan tentang kemahiran memahami kronologi iaitu mencapai tahap tinggi, dengan min = 4.05. Dapatan ini dibuktikan apabila item di bawah pengetahuan tentang kemahiran membuat kronologi iaitu item B2 hingga item B3 mempunyai nilai min = 4.00 ke atas. Dapatan daripada analisis konstruk ini menunjukkan bahawa guru memiliki pengetahuan tentang asas kronologi walaupun mereka terdiri daripada guru bukan opsyen sejarah. Malah, umum mengetahui bahawa kronologi sememangnya sangat berkait rapat dengan kehidupan seharian iaitu melibatkan masa dan tempat. Hal ini mungkin menyebabkan guru tahu konsep kronologi dan cara untuk mengajarnya.

Walaupun bagaimanapun, kajian ini turut mendapati pengetahuan guru tentang kemahiran membuat interpretasi berada pada skor min yang paling rendah berbanding konstruk yang lain walaupun masih boleh diinterpretasikan sebagai tahap sederhana tinggi. Keadaan ini dibuktikan dengan nilai skor minnya iaitu 3.92 iaitu pada item B6 (min = 3.73) dan item B7 (min = 3.67). Nilai ini tidaklah jauh dengan nilai skor min keseluruhan konstruk iaitu 3.91. Hal ini mungkin berpunca apabila interpretasi sememangnya berkait rapat dengan kemahiran berfikir aras tinggi. Maka, guru bukan opsyen sejarah tidak memiliki pengetahuan yang mencukupi dalam kemahiran ini yang merupakan suatu kemahiran yang agak tinggi tahapnya berbanding biasa.

Jadual di bawah pula menunjukkan hasil analisis deskriptif setiap item di bawah kesemua konstruk yang berkait dengan pengetahuan guru bukan opsyen sejarah dalam KPS.

Jadual 2 Hasil analisis deskriptif setiap item

No	Item	Nilai Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
B1	Saya mengetahui maksud dan konsep Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)	3.90	0.92	sederhana tinggi
B2	Saya memahami konsep perubahan dan kemajuan mengikut garis masa	4.03	0.72	tinggi
B3	Saya mengetahui cara untuk menerangkan sesebuah kronologi peristiwa sejarah kepada murid	4.20	0.61	tinggi
B4	Saya dapat membezakan antara fakta sejarah dan imaginasi sejarah	4.03	0.85	tinggi
B5	Saya menguasai kemahiran membuat imaginasi berdasarkan pembacaan yang	3.77	0.63	sederhana tinggi

	dibuat			
B6	Saya memahami tujuan untuk murid membuat interpretasi terhadap dokumen sejarah	3.73	0.64	sederhana tinggi
B7	Saya mengetahui kaedah untuk membuat interpretasi atau tafsiran ke atas fakta sejarah	3.67	0.76	sederhana tinggi
B8	Saya memahami bagaimana rasionalisasi digunakan untuk menilai tindakan tokoh sejarah	3.83	0.70	sederhana tinggi
B9	Saya mengetahui kepentingan untuk membuat pertimbangan tentang sesuatu perkara berdasarkan bukti yang sah	4.13	0.57	tinggi
B10	Saya mempunyai pengetahuan tentang jenis-jenis bukti sejarah dan peranannya dalam sejarah	3.87	0.86	sederhana tinggi
B11	Saya mengetahui cara untuk menggunakan bukti sejarah bagi menyokong atau menolak sesuatu hujah	3.83	0.75	sederhana tinggi
	Nilai min keseluruhan	3.91	0.74	sederhana tinggi

Analisis deskriptif berdasarkan item pula menunjukkan nilai skor min tertinggi adalah pada item B3 iaitu “*Saya mengetahui cara untuk menerangkan sesebuah kronologi peristiwa sejarah kepada murid*” (min = 4.20). Item ini berada di bawah konstruk pengetahuan tentang kemahiran memahami kronologi yang juga mencapai tahap yang tinggi seperti yang telah dibincangkan di atas. Item yang memiliki nilai min terendah pula ialah item B6 iaitu “*Saya memahami tujuan untuk murid membuat interpretasi terhadap dokumen sejarah*” (min = 3.73). Item ini berada di bawah konstruk kemahiran membuat interpretasi iaitu konstruk yang memiliki nilai min yang terendah secara keseluruhan.

Tahap kemahiran guru bukan opsyen sejarah dalam KPS

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, tahap kemahiran guru bukan opsyen sejarah dalam KPS juga berada pada tahap yang sederhana tinggi iaitu dengan nilai skor min keseluruhan = 4.00 dan sisihan piawai = 0.68. Justeru, pengkaji dapat merumuskan bahawa tahap kemahiran guru bukan opsyen sejarah dalam kelima-kelima komponen KPS adalah sederhana tinggi.

Selain itu, pengkaji juga melaksanakan analisis deskriptif berdasarkan enam sub konstruk iaitu kemahiran tentang KPS secara umum, kemahiran menerapkan kemahiran memahami kronologi, kemahiran menerapkan kemahiran membuat imaginasi, kemahiran menerapkan kemahiran membuat interpretasi, kemahiran menerapkan kemahiran menerapkan rasionalisasi dan kemahiran menerapkan kemahiran meneroka bukti. Nilai skor min mengikut

konstruk dapat dilihat dalam jadual di bawah.

Jadual 3 Skor min kemahiran dalam komponen KPS

Sub konstruk	Nilai Min	Standard Piawai
Kemahiran tentang KPS secara umum	3.97	0.61
Kemahiran menerapkan kemahiran memahami kronologi	4.05	0.51
Kemahiran menerapkan kemahiran membuat imaginasi	3.98	0.62
Kemahiran menerapkan kemahiran membuat interpretasi	3.92	0.62
Kemahiran menerapkan kemahiran membuat rasionalisasi	4.02	0.58
Kemahiran menerapkan kemahiran meneroka bukti	4.05	0.59

Berdasarkan jadual interpretasi skala min, konstruk kemahiran menerapkan kemahiran memahami kronologi, kemahiran membuat rasionalisasi dan kemahiran meneroka bukti mencapai tahap yang tinggi, dengan skor min 4.00 ke atas. Kemahiran dalam menerapkan kemahiran memahami kronologi dan kemahiran meneroka bukti memiliki skor min yang sama iaitu 4.05. Manakala kemahiran tentang KPS secara umum, kemahiran menerapkan kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran menerapkan kemahiran membuat interpretasi berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini agak bervariasi berbanding dapatan bagi konstruk pengetahuan guru yang telah dibincangkan dalam subtopik di atas. Akan tetapi, apabila kemahiran guru dalam KPS secara umum berada pada tahap sederhana tinggi, sedangkan terdapat beberapa kemahiran guru dalam KPS yang lain adalah tinggi menjadikan dapatan ini agak membingungkan.

Selain itu, kemahiran dalam menerapkan kemahiran membuat interpretasi juga berada pada skor min yang paling rendah berbanding konstruk yang lain walaupun masih boleh diinterpretasikan sebagai tahap sederhana tinggi. Keadaan ini dibuktikan dengan nilai skor minnya iaitu 3.92. Hal ini mungkin berpunca apabila guru hanya memiliki pengetahuan yang sederhana tinggi dalam kemahiran membuat interpretasi, perkara ini akan menyebabkan mereka akan kurang berkemahiran dalam menerapkan kemahiran tersebut juga.

Jadual di bawah pula menunjukkan hasil analisis deskriptif setiap item di bawah kesemua konstruk yang berkaitan dengan pengetahuan guru bukan opsyen sejarah dalam KPS.

Jadual 4 Hasil analisis deskriptif setiap item

No.	Item	Nilai Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
C1	Saya membuat objektif pengajaran	3.97	0.61	sederhana

	berpanduan KPS yang ingin saya terapkan ke atas murid			tinggi
C2	Saya boleh membantu murid untuk membina garis masa sejarah	3.97	0.61	sederhana tinggi
C3	Saya menggunakan garis masa, jadual atau carta untuk membantu murid untuk memahami urutan peristiwa sejarah	4.13	0.68	tinggi
C4	Saya menggalakkan murid membuat imaginasi sejarah seperti watak atau suasana masa lalu	3.97	0.72	sederhana tinggi
C5	Saya mampu membuat penceritaan peristiwa yang serius dan berkesan untuk meningkatkan imaginasi murid	4.00	0.69	tinggi
C6	Saya merangsang murid untuk membuat interpretasi melalui gambar atau teks sejarah	4.00	0.64	tinggi
C7	Saya membimbing murid untuk membuat perbandingan antara peristiwa-peristiwa sejarah	3.83	0.75	sederhana tinggi
C8	Saya menyatakan rasional berlakunya sesuatu peristiwa sejarah kepada murid	4.10	0.61	tinggi
C9	Saya mampu mendorong murid untuk menyatakan sebab musabab sesuatu peristiwa sejarah	3.93	0.74	sederhana tinggi
C10	Saya menggunakan bukti sejarah seperti dokumen atau gambar peristiwa dalam pengajaran saya	4.10	0.71	tinggi
C11	Saya menilai tahap pemikiran sejarah murid melalui tugas berasaskan bukti sejarah	4.00	0.69	tinggi
	Nilai min keseluruhan	4.00	0.68	sederhana tinggi

Analisis deskriptif berdasarkan item pula menunjukkan nilai skor min tertinggi adalah pada item C3 iaitu “*Saya menggunakan garis masa, jadual atau carta untuk membantu murid untuk memahami urutan peristiwa sejarah*” (min = 4.13). Item ini berada di bawah konstruk kemahiran dalam menerapkan kemahiran membuat kronologi yang juga mencapai tahap yang tinggi seperti yang telah dibincangkan di atas. Hal ini menunjukkan guru sememangnya menggunakan garis masa dan rajah-rajah yang menunjukkan kronologi seperti yang selalu diselitkan dalam buku teks dan buku rujukan Sejarah. Malah, rajah-rajah ini sebenarnya mampu membantu murid dalam kefahaman sejarah secara cepat dan mudah diajar oleh guru walaupun mereka adalah bukan opsyen.

Item yang memiliki nilai min terendah pula ialah item C7 iaitu “*Saya membimbing*

murid untuk membuat perbandingan antara peristiwa-peristiwa sejarah” (min = 3.83). Item ini berada di bawah konstruk kemahiran menerapkan kemahiran membuat interpretasi iaitu konstruk yang memiliki nilai min yang terendah secara keseluruhan. Hal ini mungkin berpunca daripada guru bukan opsyen kurang berkemahiran dalam membuat perbandingan antara peristiwa-peristiwa sejarah disebabkan mereka kurang pengetahuan tentangnya. Bahkan, hanya mereka yang belajar sejarah, meminatinya dan mengambil berat tentang bidang ini sahaja akan ingat tentang peristiwa-peristiwa sejarah yang pernah berlaku.

PERBINCANGAN

Seperti yang dijelaskan berdasarkan nilai skor min keseluruhan, kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan guru bukan opsyen sejarah dalam KPS berada pada tahap yang sederhana tinggi. Hal ini membuktikan bahawa tahap pengetahuan guru dalam KPS secara umum mahupun kelima-lima sub konstruk atau komponen KPS itu adalah baik.

Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian yang dibuat oleh Zahara dan Nik Azleena (2007) yang mendapati terdapat tahap yang signifikan antara guru opsyen sejarah dengan guru bukan opsyen sejarah dalam aspek kesediaan pengetahuan dalam KPS. Hal ini mungkin berpunca kerana kajian yang dibuat oleh mereka berdua tersebut adalah sudah melepasi satu dekad yang lalu, walhal sudah ramai guru yang telah meningkatkan ilmu pengetahuan mereka tentang KPS walaupun mereka bukan daripada opsyen sejarah. Namun, kajian ini selari dengan dapatan oleh Lisa Yip Shukye (2014) iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru opsyen sejarah dan guru bukan opsyen sejarah walaupun kajian beliau ini melibatkan aspek kesediaan guru bukan opsyen sejarah dalam menerapkan KPS sahaja.

Selain itu, kemahiran dalam menerapkan kemahiran membuat kronologi yang mencapai tahap yang tinggi adalah selari dengan dapatan yang diperoleh daripada kajian Baharuddin (2007) seperti kemahiran guru dalam menyampaikan peristiwa-peristiwa sejarah mengikut urutan sesuatu peristiwa itu berlaku dengan menggunakan istilah-istilah seperti awal, pertengahan dan akhir untuk merujuk sesuatu tempoh masa. Walau bagaimanapun, kemahiran dalam menerapkan kemahiran membuat interpretasi yang mencapai min terendah iaitu 3.83 adalah bertentangan dengan dapatan beliau yang menunjukkan tahap yang tinggi bagi kemahiran ini.

Skor min keseluruhan bagi pemboleh ubah kemahiran guru bukan opsyen sejarah dalam menerapkan KPS yang menunjukkan tahap sederhana tinggi ini adalah bertentangan dengan dapatan kajian yang dilaksanakan oleh M. Kaviza (2018). Hal ini adalah kerana beliau mendapati tahap kemahiran dalam KPS dalam kalangan guru sejarah berada pada tahap sederhana. Namun, dapatan ini mungkin berpunca daripada perbezaan demografi responden disebabkan kajian beliau melibatkan guru bukan opsyen sejarah yang mengajar di sekolah menengah, bukan sekolah rendah. Selain itu, dapatan kajian ini juga bertentangan dengan kajian Ngan Ping Ping et al. (2024) yang menunjukkan kompetensi guru bukan opsyen Sejarah dari aspek kemahiran dalam pengajaran berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, kajian beliau adalah berkait dengan pengajaran sejarah secara umum, bukannya berkisarkan tentang KPS secara khusus.

RUMUSAN

Hasil kajian mendapati kedua-dua tahap iaitu tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru bukan opsyen sejarah dalam menerapkan KPS berada pada tahap yang sederhana tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru bukan opsyen sejarah sebenarnya berpengetahuan dalam KPS dan mahir dalam mengaplikasikannya ke dalam pengajaran di sekolah. Dapatan ini juga menyangkal pendapat-pendapat di luar sana yang menyatakan bahawa tahap pengetahuan dan kemahiran guru bukan opsyen adalah sederhana atau lemah. Walau bagaimanapun, kajian yang dibuat oleh pengkaji ini berskala kecil iaitu kajian mini sahaja. Hal ini menyebabkan pengkaji tidak boleh membuat sebuah generalisasi secara menyeluruh.

Secara kesimpulannya, keseluruhan dapatan kajian memperlihatkan bahawa tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru bukan opsyen sejarah dalam menerapkan KPS ke atas murid sebenarnya sederhana tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru mampu mengajar mata pelajaran bukan daripada bidang mereka. Akan tetapi, dapatan dan kelebihan ini tidak wajar digunakan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira aspek penerimaan dan beban kerja guru.

RUJUKAN

- Baharuddin Jabar. 2007. *Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah: Satu Kajian Kes di daerah Hilir Perak*. Diakses di: https://ir.ups.edu.my/files/docs/2020/1827_1827.pdf [20 April 2025].
- Chopin, J. R. 2009. *Elementary social studies: A practical guide*. Seventh Edition. Dlm. Lisa Yip Shukye. Kajian tinjauan kesediaan guru-guru sejarah menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam kalangan murid-murid. *Jurnal Penyelidikan Kent*, 1(13): 37-49.
- Darlington, E. 2017. *What is a Non Specialist Teacher?* Retrieved from: <https://www.cambridgeassessment.org.uk/Images/562865-what-is-a-non-specialist-teacher-.pdf?> [25th April 2025].
- Hobbs, L. & Törner, G. 2019. *Examining the Phenomenon of "Teaching Out-Of-Field" International Perspectives on Teaching as a Non-Specialist: International Perspectives on Teaching as A Non-Specialist*. Singapore: Springer Nature.
- Kamisah Kamar & Mohd Mahzan Awang. 2023. Tahap pengetahuan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam kalangan guru-guru sejarah sekolah rendah di daerah Beluran. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1): 560-569.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah Sekolah Rendah Tahun 4 - 6*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2022. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil 5/2022. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khairunnisa Abd Hamid & Anuar Ahmad. 2014. *Amalan Pengajaran Guru Opsyen Sejarah dan Bukan Opsyen Sejarah serta Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Murid*.
- Lisa Yip Shukye. 2014. Kajian tinjauan kesediaan guru-guru sejarah menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam kalangan murid-murid. *Jurnal Penyelidikan Kent*, 1(13): 37-

49.

- M. Kaviza. 2018. Pengalaman mengajar atau latihan profesional guru dalam mempengaruhi penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah menengah. *Journal of Social Science (EJOSS)*, 4(1): 40-47.
- Mohd Asyraf Abd Hamid & Anuar Ahmad. 2023. Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) guru mata pelajaran Sejarah sekolah rendah sewaktu pelaksanaan PdPR di Wilayah Persekutuan Labuan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1): 497-511.
- Muhamad Yazid Khalil. 2018. Tahap pengetahuan guru sejarah sekolah rendah dalam Kemahiran Pemikiran Sejarah. Dlm. Mohd Asyraf Abd Hamid & Anuar Ahmad. Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) guru mata pelajaran Sejarah sekolah rendah sewaktu pelaksanaan PdPR di Wilayah Persekutuan Labuan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1): 497-511.
- Ngan Ping Ping, Anuar Ahmad & Norasmah Othman. 2024. Kompetensi guru bukan opsyen sejarah dalam pengajaran subjek Sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(1): 604-616.
- Piaget, J. 1950. *The Psychology of Intelligence*. London: Routledge.
- Seixas, P. & Morton, T. 2013. *The Big Six: Historical Thinking Concepts*. Toronto: Nelson Education.
- Suhaida Mohd Sahid & Shahabuddin Hashim. 2022. Sikap guru sejarah terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11): 1-12.
- Vygotsky, L. S. 1978. *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Cambridge: Harvard University Press.
- Zahara Aziz & Nik Azleena Nik Ismail. 2007. Kajian tinjauan kesediaan guru-guru sejarah menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah kepada para pelajar. *Jurnal Pendidikan* 32 (8): 119-137.